

25 JUL 2002

SITI HASMAH SAKSI PERSEMBAHAN SKETSA MODUL KELUARGA SAKINAH

JOHOR BA HARU, 25 Julai (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menyaksikan persembahan penghayatan Modul Keluarga Sakinah di Auditorium RTM, Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar di sini.

Persembahan sketsa 10 modul keluarga Islam itu yang diselang-selikan dengan ceramah selama hampir dua jam, disampaikan oleh Timbalan Mufti Johor Haji Mohamad Tahrir Shamsuddin.

Beliau diiringi isteri Menteri Besar Johor, Prof Datin Dr Jamilah Ariffin dan Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga, Zalil Baron dalam acara berasingan, sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Johor hari ini.

Modul Keluarga Sakinah merupakan agenda pembangunan institusi kekeluargaan di Johor yang diperkenalkan sejak lima tahun lalu. Ia melibatkan topik-topik berkaitan gaya hidup dan peranan keibubapaan dalam mendidik anak mengikut ajaran Islam.

Modul itu telah diperkenalkan di seluruh Johor melalui ceramah dan motivasi kepada para ibu bapa, remaja dan bakal pengantin.

-- BERNAMA

BH LAT